

**NO. SOALAN: 12**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF**  
**[ JEMPOL ]**  
**TARIKH : 24 OKTOBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 12**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan bagi menambah baik Institut Pendidikan Guru (IPG) di seluruh negara dari sudut infrastruktur dan kemudahan serta latihan perguruan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dan berusaha untuk memastikan aset bangunan, aset tanah dan aset infrastruktur di semua institusi pendidikan berada dalam keadaan baik dan selamat, selaras dengan tanggungjawab Kerajaan untuk menyediakan suasana pembelajaran yang kondusif.

Pada tahun 2019, KPM telah membelanjakan sejumlah RM2.29 juta untuk menyelenggara 27 kampus institut pendidikan guru (IPG) di seluruh negara. Peruntukan yang disalurkan adalah untuk mengekalkan fungsi aset berkenaan, kerja-kerja penyelenggaraan secara berkala (*periodical maintenance*) dan penyelenggaraan pemberian (*corrective maintenance*) berdasarkan permohonan yang diterima.

Selain itu juga, KPM sentiasa menambah baik latihan perguruan daripada segi kandungan latihan; kesesuaian latihan dengan keperluan dasar dan sekolah; kuantiti latihan; dan strategi pelaksanaan latihan kepada guru. Usaha ini adalah penting bagi menjayakan hasrat untuk memastikan keperluan pendidikan dan latihan perguruan selari dengan kehendak masa kini dan mampu melahirkan bakal guru yang memenuhi kehendak masa depan.

Sekian, terima kasih.